UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



PEMETAAN KOMUNITI
DI PERKAMPUNGAN
DESA ALAM SHAH, PASIR PUTEH

W.A.AMIR ZAL, NURHANAN A.R, HAFIZI MAT SALLEH,
SITI ASMA MD RASDI, TENGKU FAUZAN TENGKU ANUAR,
AHMAD FAHME MOHD ALI, AZWAN ABDULLAH



ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST

PEMETAAN KOMUNITI DI PERKAMPUNGAN DESA ALAM SHAH, PASIR PUTEH, KELANTAN

Disediakan Oleh :

W.A.Amir Zal, Nurhanan A.R, Hafizi Mat Salleh,
Siti Asma Md Rasdi, Tengku Fauzan Tengku Anuar,
Ahmad fahme mohd ali, Azwan Abdullah

Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK)
Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Bachok
16300 Bachok
Kelantan

Copyright © PENERBIT UMK, 2020

Hakcipta terpelihara PENERBIT UMK, 2020

Hakcipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.

Perpustakaan Negara Malaysia

Tajuk Buku: PEMETAAN KOMUNITI DI PERKAMPUNGAN DESA ALAM SHAH, PASIR PUTEH, KELANTAN
No. ISBN: 978-967-2229-99-5

Diterbitkan oleh:

Penerbit UMK
Universiti Malaysia Kelantan
Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu,
Karung berkunci 36, Pengkalan Chepa
16100 Kota Bharu, Kelantan
(Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)
(Ahli Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) No. Keahlian: 201903)

Dengan kerjasama;

Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK)
Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Bachok
16300 Bachok
Kelantan

KANDUNGAN

Copyright	i
Kandungan	ii
Prakata Naib Canselor	iii
Prakata Pengarah InsPEK	iv
Penghargaan	v
Pengenalan	1
Objektif Pemetaan	2
Metodologi Kajian	2
Ringkasan Eksekutif	3
Penemuan Utama	6
Hasil Kajian Kualitatif	8
Hasil kajian kuantitatif - pemetaan modal komuniti	9
Pemetaan Demografi	
Modal Insan	21
Modal Sosial	25
Modal Ekonomi	27
Modal Semula jadi	32
Modal Budaya	35
Hasil kajian kualitatif (NGT) - program pemerkasaan ekonomi berasaskan potensi	38
Hasil Nominal Group Technique (NGT) Program Pemindahan Ilmu InsPeK	39
Rumusan, implikasi dan cadangan	49
Perincian Rumusan, Implikasi dan Cadangan	50

PROLOG DATO NAIB CANSELOR UMK

Era serba moden yang didayakan dengan data terkini, telah melonjakkan masyarakat ke tahap tertentu yang pastinya mampu memberi kesejahteraan kepada semua. Intipatinya adalah, jelas betapa pentingnya data yang menghasilkan maklumat dan ilmu untuk membantu semua pihak agar dapat menyumbang kepada pembangunan komuniti agar lebih sejahtera.

Selaras dengan prolog ini, penghasilan buku yang berjudul "Pemetaan Komuniti di Perkampungan Desa Alam Shah, Pasir Puteh" yang dihasilkan oleh pasukan Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mampu untuk dijadikan rujukan kepada banyak pihak bagi membentuk tindakan yang berimpak lestari.

Menariknya, saya dapati buku ini sarat dengan fakta berkaitan potensi yang dimiliki oleh komuniti asnaf di Desa Alam Shah. Saya percaya, dengan memerhati sisi potensi komuniti, akan memberi impak yang lebih baik berbanding hanya dengan meneliti masalah yang dihadapi mereka. Malah, pendekatan berasaskan potensi ini akan mampu meneroka apa yang boleh mereka manfaat berasaskan sumber yang ada pada diri dan persekitaran mereka.

Dari sisi yang lain pula, buku ini juga mempamerkan data dalam bentuk ringkas dan seterusnya disilang pula dengan cadangan yang praktikal. Bagi saya, pendekatan ini sudah pasti memudahkan para pemegang taruh untuk terus mengambil manfaat dari data yang diberikan tanpa perlu bersusah payah untuk membentuk strategi berasingan.

Dengan mempertimbangkan perkara tersebut, saya ingin mengucapkan tahniah kepada InsPeK atas penghasilan buku ini dan sudah pasti saya yakin boleh memberi manfaat kepada semua pihak.

Sekian, terima kasih.

PROF. DATO' Ts. DR. NOOR AZIZI BIN ISMAIL
Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan

PRAKATA PENGARAH InsPEK

Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) UMK mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua individu dan organisasi yang terlibat dalam projek "Pemetaan Komuniti di Perkampungan Desa Alam Shah, Pasir Puteh".

Projek ini berjalan lancar dengan penglibatan rakan kolaborasi InsPeK yang komited untuk merealisasikannya. Mereka adalah pihak Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS). Juga InsPeK berterima kasih kepada Enci Wan Ismazani bin Wan Yusoff (Ketua Kampung) dan Puan Kamariah binti Abdul Rahman (Ahli Jawatankuasa Kampung) yang banyak membantu pelaksanaan kajian ini.

Juga tidak dilupakan kepada pasukan InsPeK yang komited untuk menyiapkan persiapan pelaksanaan projek ini, termasuklah warga UMK secara umumnya. Akhir sekali, penghargaan yang tidak terhingga kepada kesemua penduduk di Perkampungan Desa Alam Shah, Pasir Puteh, Kelantan kerana menerima kehadiran kami dengan hati yang terbuka, dan seterusnya memberi kerjasama untuk menjayakan projek ini.

Terima kasih.

PROF. MADYA DR. WAN AHMAD AMIR ZAL BIN WAN ISMAIL
Pengarah
Institut Penyelidikan dan Pengurusan kemiskinan (InsPeK)
Universiti Malaysia Kelantan

PENGHARGAAN

Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) UMK mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua individu dan organisasi yang terlibat dalam projek Pemetaan Komuniti di Perkampungan Desa Alam Shah, Pasir Puteh. Projek ini tidak dapat dilaksanakan dengan lancar sekiranya tanpa penglibatan mereka. Antara individu yang terlibat ialah En. Wan Ismazani bin Wan Yusoff (Ketua Kampung) dan Puan Kamariah binti Abdul Rahman (Ahli Jawatankuasa) yang banyak membantu semasa pelaksanaan kajian dilaksanakan.

Juga organisasi yang memberi komitmen penuh, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang memberi maklumat mengenai perkampungan Desa Alam Shah, Pasir Puteh. Tidak dilupakan kepada warga InsPeK yang komited untuk menyiapkan persiapan pelaksanaan projek ini di sebalik tabir, iaitu Puan Nor Dalila binti Ab Ghafar, Puan Suhaila binti Abd Manan dan Cik Nur Syafika Amira binti Shaari yang bertungkus-lumus memastikan projek ini berjalan sebagaimana yang dirancang. Lebih-lebih lagi projek ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan baharu, iaitu berasaskan konsep 'markas' penyelidikan demi memastikan projek ini selesai di lapangan kajian juga.

Akhir sekali, penghargaan yang tidak terhingga kepada kesemua penduduk di Perkampungan Desa Alam Shah, Pasir Puteh, Kelantan kerana dengan terbuka menerima kehadiran kami, khususnya membantu dengan memberi kerjasama kepada pembanci kami untuk memperoleh data.

Terima kasih.

Penulisan laporan ini dibantu oleh Cik Wan Asmira binti Wan Asri (Pembantu Penyelidik), Cik Noor Suzeta binti Saipudin (Pembantu Penyelidik), Pn Maisarah binti Che Ahmed (Pembantu Penyelidik) dan Pn Nurasyikin binti Ghazali (Pembantu Penyelidik).

PENGENALAN

Pelbagai kerangka yang boleh digunakan untuk memastikan hasil penyelidikan boleh memberi impak kepada komuniti miskin. Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (*InsPeK*) Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah memilih untuk menggunakan pendekatan memetakan potensi (*potential mapping*) komuniti dan kemudiannya dibina kapasiti setelah dipadankan dengan kepakaran serta realiti permintaan dalam pasaran.

Dalam konteks pemetaan kali ini, InsPeK memberi tumpuan untuk meneroka potensi yang dimiliki oleh komuniti miskin di perkampungan Desa Alam Shah, Pasir Puteh, Kelantan. Ringkasan berkaitan kampung Desa Alam Shah, kampung ini telah dibangunkan secara bersama antara Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (*MAIK*) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS). Peserta yang terpilih dengan program ini bukan sahaja dibenarkan untuk menggunakan kemudahan yang disediakan seperti rumah, masjid dan tanah, mereka turut diberikan tugas untuk mengusahakan tanaman lada sebagai projek penjanaan pendapatan mereka. Uniknya projek ekonomi ini, lada yang ditanam dijual kepada Nestlé Malaysia dengan konsep 'ladang kontrak' (*contract farming*).

Walaubagaimanapun, InsPeK mendapati beberapa perkara perlu diberikan perhatian untuk memastikan potensi yang dimiliki oleh komuniti dan pemegang taruh berkaitan boleh dimanfaatkan untuk mencapai kesejahteraan hidup yang lebih baik. Justeru, InsPeK telah menggunakan kerangka tersedia untuk meneroka potensi-potensi tersebut.

Berbeza dengan kerangka lain yang lazim digunakan sebelum ini, InsPeK lebih menumpukan kepada potensi yang ada pada komuniti dan sistem. InsPeK tidak meneliti dengan mendalam pendekatan yang memberi perhatian kepada masalah (*problem based*) atau keperluan komuniti (need based). Ini kerana, hasil pendekatan yang menumpukan kepada potensi yang dimiliki lebih praktikal untuk dimanfaatkan dalam membentuk perancangan dan tindakan yang lebih berimpak.

Data dari pemetaan ini, InsPeK memadankan pula antara potensi komuniti, agensi (UMK, agensi kerajaan dan NGO) dan keperluan pasaran (termasuklah teknologi). Proses seterusnya adalah memulakan program pembinaan kapasiti ke atas kumpulan yang terpilih.

Bagi memastikan proses ini berjalan dengan lancar, InsPeK menjadikan kampung Desa Alam Shah ini sebagai "Makmal Jaringan Sosial *(Social Network Laboratory- SNL)*" dan ini selaras dengan Pelan Pelaksanaan.

Strategik InsPeK 2017-2020. Dengan penubuhan SNL Desa Alam ini, ia bukan sahaja membolehkan InsPeK memberi tumpuan yang lebih serius, tetapi juga menjadi tugas 'rasmi' InsPeK untuk bersama dengan komuniti Desa Alam dan agensi yang berkaitan.

OBJEKTIF PEMETAAN

- Memetakan modal komuniti dalam kalangan komuniti penduduk Desa Alam Shah, Pasir Puteh.
- Mencadangkan program pemerkasaan ekonomi berasaskan potensi yang terdapat pada penduduk Desa Alam Shah, Pasir Puteh.

145

Bil	Kampung	Ketua Kampung	Bil. KIR	Bil. Penduduk		Jumlah
				L	P	
1	Desa Alam Shah	Wan Ismazani bin Wan Yusoff	28	72	73	

Berikut adalah pelan lokasi bagi Perkampungan Desa Alam Shah, Pasir Puteh, Kelantan.



Rajah 1: Peta Perkampungan Desa Alam Shah

METODOLOGI KAJIAN

Pemetaan ini melibatkan kesemua Ketua Isi Rumah (KIR), iaitu seramai 28 orang yang menetap di kampung Desa Alam Shah, Pasir Puteh. Mereka adalah komuniti miskin yang telah dipilih oleh MAIK untuk menyertai program khas dengan menetap di Desa Alam Shah ini.

Dalam perancangan awal, pemetaan akan melibatkan kerangka masa berbentuk 'longitudinal panel'. Pertimbangan ini dibuat memandangkan KIR hanyalah seramai 28 orang sahaja dan dalam perancangan awal MAIK, mereka hanya akan mendiami rumah yang didiami tersebut hanyalah selama 5 tahun sahaja.

Data dikumpulkan dengan menggunakan dua kaedah, iaitu temu bual berasaskan borang soal selidik dan *nominal group technique (NGT)*. Borang soal selidik dibina berasaskan operasional teori *"Asset-based community development (ABCD)"* yang membantu untuk menilai potensi sesebuah komuniti berasaskan modal yang terdapat dalam komuniti tersebut. Dalam pemetaan ini, lima (5) modal komuniti diperhatikan, iaitu 1) modal insan, 2) modal sosial, 3) modal ekonomi, 4) modal semula jadi dan 5) modal budaya.

NGT digunakan untuk meneroka potensi yang ada dalam komuniti dari perspektif komuniti sendiri. NGT membolehkan data yang diperlukan diperoleh secara serta-merta yang mana datanya mempunyai kredibiliti yang tinggi. NGT mempunyai empat (4) fasa, dan setiap fasa mempunyai dua (2) peringkat khusus.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pemetaan komuniti merupakan satu pendekatan untuk meneroka dan merekodkan realiti dalam sesebuah komuniti, khususnya berkaitan dengan potensi yang dimiliki mereka. Secara sistematiknya, pemetaan menggunakan teori *"Aset-Based Community Development (ABCD)"* yang mencadangkan potensi komuniti yang dikenali sebagai modal komuniti dalam bentuk modal insan *(human capital)*, modal sosial *(social capital)*, modal ekonomi *(economic capital)*, modal semual jadi *(natural capital)* dan modal budaya *(cultural capital)* dipetakan. Secara khususnya, pemetaan ke atas komuniti di Desa Alam Shah yang diusahakan oleh Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) adalah bertujuan untuk meneliti potensi komuniti Desa Alam Shah berasaskan modal komuniti.

Pemetaan telah dibuat ke atas komuniti di perkampungan Desa Alam Shah, Pasir Puteh, Kelantan. Ringkasan berkaitan kampung Desa Alam Shah, kampung ini telah dibangunkan secara bersama antara Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS). Bagi melaksanakan pemetaan ini, seramai 28 orang Ketua Isi Rumah (KIR) telah dilibatkan yang mana ia adalah jumlah keseluruhan KIR dalam penempatan ini. Data dikumpulkan dengan menggunakan borang soal selidik khas yang dibangunkan oleh InsPeK dan data dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS. Selain itu, Nominal Group Technique (NGT) juga telah dilaksanakan untuk meneroka potensi yang ada pada komuniti di Desa Alam Shah secara kualitatif. NGT ini mempunyai empat (4) fasa, dan setiap fasa mempunyai dua (2) peringkat khusus.

Secara umumnya, hasil pemetaan mendapati kesemua umur KIR adalah dalam kategori buruh aktif untuk bekerja dan mereka secara aktifnya menyertai sistem pendidikan formal, namun kebanyakan pada tahap menengah. KIR mempunyai pekerjaan melalui projek ekonomi yang dirancang oleh MAIK dan LZS, iaitu projek penanaman cili. Namun, mereka turut bekerja di luar penempatan mereka kerana memerlukan wang tambahan untuk perbelanjaan harian mereka. Majoriti KIR mempunyai pendapatan di bawah RM580 sebulan dan ini meletakkan mereka dalam kategori miskin tegar. Pasangan KIR ramai yang tidak bekerja dan hanya membantu KIR melaksanakan projek pertanian yang diusahakan dalam penempatan Desa Alam Shah.

Berkaitan modal insan, modal insan kontemporari KIR adalah lebih tinggi berbanding modal insan tradisional, namun ianya hanyalah pada tahap sederhana. Modal insan tradisional yang KIR mahir adalah berkaitan dengan aktiviti pertanian tradisional, membuat makanan tradisional dan penglibatan dengan aktiviti hutan. Bagi modal insan kontemporari pula, ia adalah berkaitan dengan pengurusan ladang secara komersial, berniaga dan menternak haiwan. Pemetaan mendapati tahap modal sosial KIR adalah tinggi, khususnya modal sosial ikatan dan jaringan. Malah hampir tidak wujud konflik antara persekitaran sosial.

Bagi modal ekonomi pula, KIR tidak memiliki aset beku dalam bentuk tanah dan kesemuanya memiliki kenderaan. Manakala, aset cair yang tinggi dimiliki adalah wang zakat, gaji dan sedikit wang simpanan. Dan tiga (3) keadaan yang menjadi beban ekonomi KIR, iaitu harga barang keperluan, kos sara hidup dan pendapatan keluarga yang rendah. Mereka bertindak dengan membiarkan keadaan tersebut dan berikhtiar untuk ubah hidup mereka.

Berkaitan dengan modal semula jadi, modal semula jadi KIR adalah berkaitan dengan kelaziman dan keperluan harian mereka. Namun mereka berhadapan dengan cabaran dari aspek kecukupan dan ancaman cuaca. KIR juga tidak banyak menguasai modal semula jadi kecuali yang digunakan dan diperlukan mereka sahaja. Malah, tidak banyak modal tersebut ditambah nilai untuk pendapatan mereka.

Akhir sekali, kebanyakan modal budaya KIR adalah dalam mode berubah, maksudnya mereka bersedia dan sedang berubah. Akibat dari berpindah ke penempatan Desa Alam Shah, mereka telah mengalami perubahan yang positif dan negatif. Namun, mereka bimbangkan mereka hanya perlu berada untuk tempoh 5 tahun sahaja. Strategi yang digunakan KIR untuk berhadapan dengan perubahan adalah dengan mengikut kesesuaian perubahan, mencari pendapatan tambahan, meningkatkan kemahiran baharu dan memohon bantuan.

Berkaitan dengan hasil NGT, bagi kelompok lelaki, terdapat lima belas (15) masalah yang dihadapi oleh KIR lelaki, dan kemudiannya terdapat sepuluh (10) projek yang diperlukan KIR lelaki. Manakala terdapat sebelas (11) projek yang berpotensi untuk KIR lelaki. Bagi kelompok Wanita pula, terdapat enam (6) masalah yang dihadapi oleh kelompok wanita; dan lima (5) projek yang diperlukan kelompok wanita. Kemudian terdapat lima (5) projek yang berpotensi untuk kelompok wanita.

Dari pemetaan ini, terdapat implikasi yang ditemui, sama ada dalam bentuk positif dan negatif. Bagi mengatasi implikasi tersebut, InsPeK telah mencadangkan 36 strategi praktikal yang akhirnya bukan sahaja mampu mendapayupayakan komuniti tersebut, tetapi juga mampu untuk meningkatkan kualiti hidup mereka untuk jangka masa panjang, khususnya selepas mereka berpindah keluar dari penempatan Desa Alam Shah kelak.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pemetaan komuniti merupakan satu pendekatan untuk meneroka dan merekodkan realiti dalam sesebuah komuniti, khususnya berkaitan dengan potensi yang dimiliki mereka. Secara sistematiknya, pemetaan menggunakan teori *"Aset-Based Community Development (ABCD)"* yang mencadangkan potensi komuniti yang dikenali sebagai modal komuniti dalam bentuk modal insan *(human capital)*, modal sosial , modal ekonomi (economic capital), modal semual jadi (natural capital) dan modal budaya (cultural capital) dipetakan. Secara khususnya, pemetaan ke atas komuniti di Desa Alam Shah yang diusahakan oleh Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) adalah bertujuan untuk meneliti potensi komuniti Desa Alam Shah berasaskan modal komuniti.

Pemetaan telah dibuat ke atas komuniti di perkampungan Desa Alam Shah, Pasir Puteh, Kelantan. Ringkasan berkaitan kampung Desa Alam Shah, kampung ini telah dibangunkan secara bersama antara Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS). Bagi melaksanakan pemetaan ini, seramai 28 orang Ketua Isi Rumah (KIR) telah dilibatkan yang mana ia adalah jumlah keseluruhan KIR dalam penempatan ini. Data dikumpulkan dengan menggunakan borang soal selidik khas yang dibangunkan oleh InsPeK dan data dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS. Selain itu, Nominal Group Technique (NGT) juga telah dilaksanakan untuk meneroka potensi yang ada pada komuniti di Desa Alam Shah secara kualitatif. NGT ini mempunyai empat (4) fasa, dan setiap fasa mempunyai dua (2) peringkat khusus.

Secara umumnya, hasil pemetaan mendapati kesemua umur KIR adalah dalam kategori buruh aktif untuk bekerja dan mereka secara aktifnya menyertai sistem pendidikan formal, namun kebanyakan pada tahap menengah. KIR mempunyai pekerjaan melalui projek ekonomi yang dirancang oleh MAIK dan LZS, iaitu projek penanaman cili. Namun, mereka turut bekerja di luar penempatan mereka kerana memerlukan wang tambahan untuk perbelanjaan harian mereka. Majoriti KIR mempunyai pendapatan di bawah RM580 sebulan dan ini meletakkan mereka dalam kategori miskin tegar. Pasangan KIR ramai yang tidak bekerja dan hanya membantu KIR melaksanakan projek pertanian yang diusahakan dalam penempatan Desa Alam Shah.

Berkaitan modal insan, modal insan kontemporari KIR adalah lebih tinggi berbanding modal insan tradisional, namun ianya hanyalah pada tahap sederhana. Modal insan tradisional yang KIR mahir adalah berkaitan dengan aktiviti pertanian tradisional, membuat makanan tradisional dan penglibatan dengan aktiviti hutan. Bagi modal insan kontemporari pula, ia adalah berkaitan dengan pengurusan ladang secara komersial, berniaga dan menternak haiwan. Pemetaan mendapati tahap modal sosial KIR adalah tinggi, khususnya modal sosial ikatan dan jaringan. Malah hampir tidak wujud konflik antara persekitaran sosial.

Bagi modal ekonomi pula, KIR tidak memiliki aset beku dalam bentuk tanah dan kesemuanya memiliki kenderaan. Manakala, aset cair yang tinggi dimiliki adalah wang zakat, gaji dan sedikit wang simpanan. Dan tiga (3) keadaan yang menjadi beban ekonomi KIR, iaitu harga barang keperluan, kos sara hidup dan pendapatan keluarga yang rendah. Mereka bertindak dengan membiarkan keadaan tersebut dan berikhtiar untuk ubah hidup mereka.

Berkaitan dengan modal semula jadi, modal semula jadi KIR adalah berkaitan dengan kelaziman dan keperluan harian mereka. Namun mereka berhadapan dengan cabaran dari aspek kecukupan dan ancaman cuaca. KIR juga tidak banyak menguasai modal semula jadi kecuali yang digunakan dan diperlukan mereka sahaja. Malah, tidak banyak modal tersebut ditambah nilai untuk pendapatan mereka.

Akhir sekali, kebanyakan modal budaya KIR adalah dalam mode berubah, maksudnya mereka bersedia dan sedang berubah. Akibat dari berpindah ke penempatan Desa Alam Shah, mereka telah mengalami perubahan yang positif dan negatif. Namun, mereka bimbangkan mereka hanya perlu berada untuk tempoh 5 tahun sahaja. Strategi yang digunakan KIR untuk berhadapan dengan perubahan adalah dengan mengikut kesesuaian perubahan, mencari pendapatan tambahan, meningkatkan kemahiran baharu dan memohon bantuan.

Berkaitan dengan hasil NGT, bagi kelompok lelaki, terdapat lima belas (15) masalah yang dihadapi oleh KIR lelaki, dan kemudiannya terdapat sepuluh (10) projek yang diperlukan KIR lelaki. Manakala terdapat sebelas (11) projek yang berpotensi untuk KIR lelaki. Bagi kelompok Wanita pula, terdapat enam (6) masalah yang dihadapi oleh kelompok wanita; dan lima (5) projek yang diperlukan kelompok wanita. Kemudian terdapat lima (5) projek yang berpotensi untuk kelompok wanita.

Dari pemetaan ini, terdapat implikasi yang ditemui, sama ada dalam bentuk positif dan negatif. Bagi mengatasi implikasi tersebut, InsPeK telah mencadangkan 36 strategi praktikal yang akhirnya bukan sahaja mampu mendapayupayakan komuniti tersebut, tetapi juga mampu untuk meningkatkan kualiti hidup mereka untuk jangka masa panjang, khususnya selepas mereka berpindah keluar dari penempatan Desa Alam Shah kelak.

PENEMUAN UTAMA

MODAL DEMOGRAFI

- Kesemua umur KIR adalah dalam kategori buruh aktif untuk bekerja.
- Kesemua KIR menyertai sistem pendidikan formal, namun kebanyakan pada tahap menengah.
- KIR mempunyai pekerjaan berasaskan rancangan MAIK dan LZS, iaitu projek penanaman cili untuk setiap KIR dalam kawasan penempatan Desa Alam Shah. Hasil akan dijual kepada Nestle Malaysia melalui sistem ladang kontrak.
- KIR turut bekerja di luar penempatan mereka kerana memerlukan wang tambahan untuk perbelanjaan harian mereka.
- Peratus yang tinggi KIR mempunyai pendapatan di bawah RM580 sebulan dan ini meletakkan mereka dalam kategori miskin tegar.
- Majoriti KIR menyertai pendidikan formal dan sudah biasa dengan sistem pendidikan tersebut.
- Pasangan KIR ramai yang tidak bekerja dan hanya membantu KIR melaksanakan projek pertanian yang diusahakan dalam penempatan Desa Alam Shah.
- Dari jumlah pasangan KIR yang bekerja, majoriti mempunyai pendapatan RM980 ke bawah. Meskipun pendapatan tersebut tidak tinggi, namun ia sedikit sebanyak mampu menjadi pendapatan tambahan kepada keluarga.
- Purata KIR mempunyai anak seramai 3 orang yang mana seimbang bilangan antara lelaki dan perempuan.
- Purata bilangan isi rumah adalah seramai 5 orang yang mana rata-rata KIR mempunyai 4 orang tanggungan. Namun ada sebilangan kecil KIR yang mempunyai tanggungan yang ramai, iaitu seramai 9 orang.

MODAL INSAN

- Modal insan kontemporari KIR adalah lebih berbanding modal insan tradisional, namun modal insan kontemporari hanyalah pada tahap sederhana.
- KIR mahir dengan modal insan tradisional berkaitan dengan aktiviti pertanian tradisional, membuat makanan tradisional dan penglibatan dengan aktiviti hutan.
- Modal insan tersebut adalah kemahiran yang menjadi kebergantungan hidup mereka sebelum ini. Modal insan kontemporari yang KIR mahir adalah berkaitan dengan pengurusan ladang secara komersial, berniaga dan menternak haiwan.

MODAL SOSIAL

- Tahap modal sosial KIR adalah tinggi, khususnya modal sosial ikatan dan jaringan. Malah hampir tidak wujud konflik antara persekitaran sosial.

MODAL EKONOMI

- KIR tidak memiliki aset beku dalam bentuk tanah dan kesemuanya memiliki kenderaan. Manakala, aset cair yang tinggi dimiliki adalah wang zakat, gaji dan sedikit wang simpanan.
- Tiga (3) keadaan yang menjadi beban ekonomi KIR, iaitu harga barang keperluan, kos sara hidup dan pendapatan keluarga yang rendah. Justeru, mereka bertindak dengan membiarkan keadaan tersebut dan berikhtiar untuk ubah hidup mereka.

MODAL SEMULA JADI

- KIR mempunyai modal semula jadi yang ada kaitan dengan kelaziman dan keperluan harian mereka. Namun mereka berhadapan dengan cabaran dari aspek kecukupan dan ancaman cuaca.
- KIR tidak banyak menguasai modal semula jadi kecuali yang digunakan dan diperlukan mereka sahaja. Malah, tidak banyak modal tersebut ditambah nilai untuk pendapatan mereka.

MODAL BUDAYA

- KIR kebanyakannya adalah mode berubah, bermaksud mereka bersedia dan sedang berubah. Akibat dari berpindah ke penempatan Desa Alam Shah, mereka telah mengalami perubahan yang positif dan negatif. Ini termasuklah apabila mereka mempertimbangkan mereka hanya perlu berada untuk empoh 5 tahun sahaja.
- Strategi yang digunakan KIR untuk berhadapan dengan perubahan ialah dengan mengikut kesesuaian perubahan, mencari pendapatan tambahan, meningkatkan kemahiran baharu dan memohon bantuan.

HASIL KAJIAN KUALITATIF : PROGRAM PEMERKASAAN EKONOMI BERASASKAN POTENSI

HASIL NOMINAL GROUP TECHNIQUE (NGT) – LELAKI

Lima belas (15) masalah yang dihadapi oleh KIR lelaki, dengan mengikut lima (5) keutamaan, iaitu :

1. Tidak ada sumber ekonomi semasa.
2. Tidak ada kesefahaman antara penduduk dan pengurusan.
3. Pengurusan lemah.
4. Kekurangan ilmu dari segi pertanian.
5. Keputusan.
6. Ekonomi tidak menentu.

Sepuluh (10) projek yang diperlukan KIR lelaki, dengan mengikut lima (5) keutamaan, iaitu :

1. Wujudkan pendapatan semasa.
2. Teknologi baru.
3. Harga jualan hasil pertanian yang tinggi.
4. Kelas agama seperti Fardu Ain dan Al-Quran.
5. Memproses sendiri hasil pertanian.

Sebelas (11) projek yang berpotensi untuk KIR lelaki, dengan mengikut enam (6) keutamaan, iaitu :

1. Fertigasi.
2. Penternakan (Lembu/ kambing/ ikan).
3. Tanaman jangka pendek.
4. Jahitan.
5. Kuih muih.
6. Koperasi.

HASIL NOMINAL GROUP TECHNIQUE (NGT) – WANITA

Enam (6) masalah yang dihadapi oleh kelompok wanita, dengan mengikut keutamaan, iaitu :

1. Kewangan yang tidak stabil.
2. Tidak ada kemahiran.
3. Tidak ada peralatan (Menjahit/ memasak).
4. Tidak ada ilmu pemasaran.
5. Tidak ada peluang.
6. Tidak kerja sampingan.

Lima (5) projek yang diperlukan kelompok wanita, dengan mengikut keutamaan, iaitu :

1. Modal untuk memulakan perniagaan.
2. Kemahiran untuk terlibat dalam perniagaan.
3. Peralatan untuk terlibat dalam perniagaan.
4. Bengkel pemasaran.
5. Kerja sampingan.

Lima (5) projek yang berpotensi untuk kelompok wanita, dengan mengikut keutamaan, iaitu :

1. Perniagaan berkaitan jahitan.
2. Perniagaan berasaskan masakan.
3. Tanaman kulat sisir.
4. Penternakan Ayam/ Kambing/ Lembu.
5. Kraf tangan.

HASIL KAJIAN KUANTITATIF - PEMETAAN MODAL KOMUNITI

PEMETAAN DEMOGRAFI (N= 28)



Carta 1. Kaum KIR

Semua KIR adalah kaum Melayu, tidak terdapat kaum lain.



Carta 2. Umur KIR

Umur KIR adalah dalam kategori buruh aktif untuk bekerja. Mereka mampu untuk lebih produktif dari sudut tenaga dan kesihatan.



Carta 3. Pendidikan tertinggi KIR.

Kesemua KIR mempunyai latar belakang pendidikan formal. Namun, majoriti adalah pada tahap sekolah menengah dan hanya peratus yang kecil mempunyai tahap pendidikan peringkat kolej.



Carta 4. Status pekerjaan KIR.

Kesemua KIR bekerja dalam penempatan Desa Alam Shah dengan mengusahakan projek ekonomi yang mana setiap KIR diberikan tanah berkeluasan 1 ekar dalam penempatan tersebut untuk menanam cili dan dijual kepada Nestle Malaysia dengan konsep ladang kontrak (contract farming).



Carta 5. Jenis pekerjaan KIR.

KIR turut bekerja di luar dari penempatan Desa Alam Shah yang majoriti adalah bekerja sendiri dan ada yang bekerja dengan orang lain.



Carta 6. Pendapatan KIR.

Peratus relatifnya tinggi KIR yang mempunyai pendapatan di bawah RM580 sebulan. Manakala tidak ramai yang mempunyai pendapatan antara RM941-RM1,500. Manakala lebih separuh mempunyai pendapatan antara RM581-RM940 sebulan.



Carta 7. Pendidikan tertinggi pasangan KIR.

Majoriti pasangan responden mempunyai pendidikan formal yang mana separuh mempunyai tahap pendidikan sekolah menengah. Manakala sebilangan kecil hanya mempunyai tahap pendidikan rendah.



Carta 8. Status pekerjaan pasangan KIR

Lebih separuh pasangan KIR adalah tidak bekerja, selebihnya adalah bekerja dengan membantu KIR melaksanakan projek ekonomi pertanian di penempatan mereka.



Carta 9. Jenis pekerjaan pasangan KIR.

Dari peratus pasangan KIR yang bekerja, majoriti adalah bekerja dengan orang lain dan hanya peratus yang kecil bekerja sendiri.



Carta 10. Pendapatan bulanan pasangan KIR

Majoriti pasangan KIR mempunyai pendapatan di bawah RM940 sebulan yang mana paling ramai mempunyai pendapatan bawah RM580 sebulan. Hanya sebilangan kecil yang mempunyai pendapatan RM1501-RM3860 sebulan.





Carta 12. Ringkasan bilangan anak.

Purata bilangan anak adalah seramai 3 orang, begitu juga dengan penengah dan mod.



Carta 13. Jantina anak.

Bilangan jantina anak KIR antara lelaki dan perempuan adalah seimbang.



Carta 14. Bilangan isi rumah.

Bilangan isi rumah yang tinggi dalam sesebuah rumah adalah antara 3 hingga 5 orang.



Carta 15. Ringkasan bilangan ahli isi rumah.

Purata bilangan isi rumah yang tinggal bersama KIR adalah seramai 5 orang. Begitu juga dengan bagi penengah dan mod adalah seramai 5 orang.



Carta 16. Ringkasan bilangan tanggungan

Purata tanggungan KIR adalah seramai 4 orang. Begitu juga dengan penengah dan mod, iaitu 4 orang.



Carta 17. Ringkasan Bilangan Tanggungan.

Meskipun dalam sesebuah rumah mempunyai ahli isi rumah yang ramai, tidak semua adalah dalam tanggungan KIR. Sebaliknya, bilangan tanggungan yang paling ramai adalah antara 2 hingga 4 orang. Memiliki tanggungan yang ramai adalah sedikit, berbanding dengan KIR yang tidak ada tanggungan. Jumlah mereka yang ramai adalah sedikit berbanding mereka yang tidak ada tanggungan.



Carta 18. Kelahiran dan kematian dalam kalangan bagi tempoh 2 tahun (2015-2016)

Peratus kematian dalam keluarga adalah jauh lebih rendah berbanding dengan peratus kelahiran dalam keluarga.



Carta 19. Penghijrahan keluar dan masuk dalam tempoh dua (2) tahun (2015-2016).

Hanya peratus yang kecil berlakunya penghijrahan keluar dari komuniti dalam tempoh 2 tahun. Manakala penghijrahan masuk adalah tidak berlaku kerana penyertaan dalam Penempatan Desa Alam Shah adalah ketat dan dikawal oleh pihak MAIK.



Carta 20. Perkahwinan dan kelahiran dalam keluarga.

Bilangan ahli keluarga yang berkahwin muda adalah relatifnya rendah. Begitu juga dengan perkahwinan lewat dalam keluarga. Manakala ahli keluarga yang sukar mendapat anak adalah rendah.



Carta 21. Penyakit kritikal, OKU & Warga Emas dalam keluarga.

Dalam bentuk peratus, bilangan ahli keluarga yang mempunyai penyakit kronik adalah relatifnya tinggi. Berbeza dengan ahli keluarga OKU dan warga emas yang relatifnya adalah rendah.

MODAL INSAN



Carta 22. Tahap Modal Insan.

Secara umumnya, KIR mempunyai modal insan kontemporari yang lebih tinggi berbanding modal insan tradisional yang mana kesemuanya adalah rendah. Sungguhpun begitu, modal insan kontemporari hanyalah sederhana.



Carta 23. Kemahiran Modal Insan Tradisional.

Modal insan tradisional yang paling tinggi mahir oleh KIR ialah bertani, membuat makanan tradisional dan mencari sumber hutan. Manakala berkaitan dengan menambah nilai modal insan tradisional, kebanyakannya adalah rendah.



Carta 24. Kemahiran Modal Insan Kontemporari.

Modal insan kontemporari yang paling tinggi mahir adalah menguruskan ladang komersial, berniaga dan menternak haiwan. Kemahiran lain yang memerlukan latihan khusus adalah rendah.



Carta 25. . Keperluan Modal Insan Tradisional.



Carta 26. Minat pada modal insan kontemporari.

Bertani, membuat makanan tradisional dan bertukang merupakan modal insan tradisional yang diperlukan KIR. Modal insan tersebut adalah biasa dan menjadi kebergantungan KIR.

Modal insan tradisional yang sedang digunakan adalah paling diminati KIR, iaitu menguruskan ladang komersial dan berniaga. Manakala modal insan yang memerlukan latihan khusus adalah rendah diminati KIR.

MODAL SOSIAL



Carta 27. Tahap Modal Sosial

Tahap modal sosial KIR adalah tinggi pada keseluruhannya, khususnya modal sosial ikatan (ahli keluarga) dan modal sosial jaringan (agensi kerajaan, khususnya MAIK).



Carta 28. Konflik Modal Sosial.

Hampir tidak wujud konflik antara KIR dengan modal sosial. Mereka menjalani kehidupan tanpa konflik antara semua pihak di penempatan mereka.

MODAL EKONOMI



Carta 29. Pemilikan Aset Beku

Hampir semua KIR memiliki kenderaan. Aset beku yang paling rendah dimiliki ialah tanah persendirian dan ianya adalah mencukupi.



Carta 30. Pemilikan aset mudah cair.

Pemilikan aset mudah cair yang paling tinggi dimiliki oleh KIR ialah zakat, gaji dan wang simpanan. Kesemua KIR tidak memiliki wang pencen. Namun kesemuanya dianggap oleh KIR sebagai belum mencukupi.



Carta 31. Penerimaan & Keperluan Bantuan.

Kesemua KIR menerima Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) dan lebih separuh KIR sangat perlukannya. Kebanyakan KIR menerima bantuan zakat dan bantuan pertanian yang mana masing-masing adalah sangat diperlukan oleh KIR.



Carta 32. Pengetahuan & Hasrat Terlibat dalam aktiviti ekonomi.

Hampir tidak wujud konflik antara KIR dengan modal sosial. Mereka menjalani kehidupan tanpa konflik antara semua pihak di penempatan mereka.



Carta 33. Bebanan ekonomi.

Dua perkara yang menjadi bebanan ekonomi KIR, iaitu harga barang keperluan dan kos sara hidup. KIR juga terkesan dengan pendapatan diri dan keluarga yang rendah.



Carta 34. Strategi berhadapan bebanan ekonomi.

Dua (2) strategi yang biasa digunakan oleh KIR dalam berhadapan dengan bebanan ekonomi, iaitu membiarkannya dan ubah diri. KIR membiarkannya dalam perkara yang tidak dapat dikawal oleh mereka.

MODAL SEMULA JADI



Carta 35. Tahap Modal Semula jadi

Keperluan KIR pada modal semula jadi adalah pada tahap tinggi. Namun demikian, keupayaan mereka untuk akses adalah sederhana. Manakala dari sudut kekerapan akses, lebih separuh KIR hanya sederhana kekerapan akses modal semula jadi.



Carta 36. Kekerapan akses pada Modal Semula jadi.



Carta 37. Kekerapan masalah dan keupayaan akses Modal Semula jadi.

Modal semula jadi untuk tujuan pertanian adalah paling kerap diakses oleh KIR. Ini kerana, aktiviti ekonomi di penempatan mereka menjadi tumpuan utama berbanding untuk aktiviti ekonomi lain.

KIR kerap dan sangat kerap berhadapan modal semula jadi dalam bentuk cuaca yang tidak menentu, kawasan pertanian yang terhad dan kedudukan tanah tidak strategik.

MODAL BUDAYA



Carta 38. Kesediaan untuk berubah.



Carta 39. Kesan pemindahan.

Tidak ada KIR yang gagal untuk berubah, sebaliknya lebih separuh KIR bersedia untuk berubah. Selebihnya, ada KIR yang mentafsirkan diri mereka sebagai dalam proses untuk berubah dan ada sebilangan kecil KIR yang tidak mahu berubah.

Majoriti KIR terkesan dengan perubahan akibat dari berpindah ke Penempatan Desa Alam Shah. KIR sangat terkesan akibat hanya perlu tinggal untuk tempoh yang singkat (5 tahun sahaja), terkesan dengan terlibat dalam aktiviti ekonomi baharu (cili), hidup dalam persekitaran sosial dan fizikal baharu dan memiliki kebun khas untuk aktiviti ekonomi baharu.



Carta 40. Strategi berhadapan perubahan.



Carta 41. Kebergantungan pada aktiviti pertanian.

Bagi berhadapan dengan perubahan, strategi yang paling banyak digunakan oleh KIR ialah mengikut kesesuaian perubahan, mencari pendapatan tambahan (dalam dan luar penempatan), meningkatkan kemahiran baharu dan memohon bantuan.

Aktiviti ekonomi melalui projek pertanian dalam penempatan Desa Alam telah meningkatkan hubungan sosial antara KIR. Projek pertanian yang diusahakan menjadi punca pendapatan KIR dan pendapatan untuk mendapatkan keperluan harian. Namun demikian, pergantungan tersebut tidaklah menyebabkan KIR berpeluang untuk mempelajari kemahiran ekonomi lain.

HASIL KAJIAN KUALITATIF

ANALISIS MASALAH, KEPERLUAN & POTENSI SERTA CADANGAN PROGRAM PEMERKASAAN EKONOMI

HASIL NOMINAL GROUP TECHNIQUE (NGT)-LELAKI

Fasa Pertama : Mengenal Pasti Masalah

A. Fasa Pertama, Peringkat Satu

Lima belas (15) masalah yang dihadapi oleh Kaum Lelaki di kawasan kelompok lelaki, iaitu :

- Tiada sumber ekonomi semasa
- Ekonomi tidak mengikut jangka masa
- Cuaca yang tidak menentu
- Tanaman rosak
- Teknologi tidak sesuai
- Tiada kesefahaman antara penduduk dan pengurusan
- Haiwan perosak (Tikus)
- Pengurusan lemah
- Keputusan
- Tindakan tidak seragam
- Kekangan input pertanian
- Pemantauan
- Perparitan dan saliran
- Kawasan/pagar dirosakkan
- Kekurangan ilmu dari segi pertanian dan keagamaan

B. Fasa Pertama, Peringkat Dua

Susunan mengikut keutamaan masalah yang dihadapi oleh kaum lelaki, iaitu :

- Tiada sumber ekonomi semasa.
- Tiada kesefahaman antara penduduk dan pengurusan.
- Pengurusan lemah.
- Kekurangan ilmu dari segi pertanian dan keagamaan.
- Keputusan tidak tepat.
- Ekonomi tidak menentu.
- Cuaca yang tidak menentu.
- Tanaman rosak.
- Teknologi tidak sesuai.
- Haiwan perosak (Tikus).
- Tindakan tidak seragam.
- Kekangan input pertanian.
- Pemantauan yang lemah.
- Perparitan dan saliran.
- Kawasan/pagar dirosakkan.

HASIL NOMINAL GROUP TECHNIQUE (NGT)-LELAKI

Fasa Kedua : Mengenal Pasti Keperluan

A. Fasa Kedua, Peringkat Satu

Sepuluh (10) projek yang diperlukan oleh kelompok lelaki iaitu :

- Teknologi baru
- Harga jualan hasil pertanian yang tinggi
- Wujudkan pendapatan semasa
- Penternakan
- Tuisyen untuk anak-anak
- Kemahiran ekonomi wanita
- Kelas agama seperti Fardu Ain dan Al-Quran
- Madu lebah dan Kelulut
- Memproses sendiri hasil pertanian
- Ternakan ikan

B. Fasa Kedua, Peringkat Dua

Susunan mengikut keutamaan keperluan kelompok lelaki iaitu :

- Wujudkan pendapatan semasa
- Teknologi baru
- Harga jualan hasil pertanian yang tinggi
- Kelas agama seperti Fardu Ain dan Al-Quran
- Memproses sendiri hasil pertanian
- Ternakan ikan
- PenternakanTuisyen untuk anak-anak
- Kemahiran ekonomi wanita
- Madu lebah dan Kelulut

HASIL NOMINAL GROUP TECHNIQUE (NGT)-LELAKI

Fasa Ketiga : Mengenal Pasti Potensi

A. Fasa Ketiga, Peringkat Satu

Sebelas (11) projek ekonomi yang berpotensi, iaitu :

- Tanaman jangka pendek
- Penternakan (Lembu/kambing/ikan)
- Bisnes canopy
- Katering
- Jahitan
- Kuih muih
- Jualan melalui internet
- Koperasi
- Nursery
- Kedai Jual Produk
- Fertigasi

B. Fasa Ketiga, Peringkat Dua

Susunan mengikut keutamaan potensi yang dihadapi oleh kaum lelaki, iaitu :

- Fertigasi
- Penternakan (Lembu/kambing/ikan)
- Tanaman jangka pendek
- Jahitan
- Kuih muih
- Koperasi
- Bisnes canopy
- Catering
- Jualan melalui internet
- Nurseri
- Kedai Jual Produk

Fasa Keempat : Kumpulan Kecil Pemerkasaan Ekonomi

Projek ekonomi diusahakan.

Fertigasi gantung

Pengelompokan partisipan ke dalam Kumpulan Kecil Pemerkasaan Ekonomi (KKPE) :



Fasa Keempat : Kumpulan Kecil Pemerkasaan Ekonomi

Projek ekonomi diusahakan.

Fertigasi gantung

Pengelompokan partisipan ke dalam Kumpulan Kecil Pemerkasaan Ekonomi (KKPE) :



























HASIL NOMINAL GROUP TECHNIQUE (NGT)-WANITA

Fasa Pertama: Mengenal Pasti Masalah

A. Fasa Pertama, Peringkat Satu

Enam (6) masalah yang dihadapi oleh kelompok wanita iaitu :

- Kewangan yang tidak stabil
- Tidak ada kemahiran
- Tidak ada peluang
- Tidak ada peralatan (Menjahit/memasak)
- Tidak ada ilmu pemasaran
- Tidak ada kerja sampingan

B. Fasa Pertama, Peringkat Dua

Susunan mengikut keutamaan masalah yang dihadapi oleh kaum Wanita :

- Kewangan yang tidak stabil
- Tidak ada kemahiran
- Tidak ada peralatan (Menjahit/memasak)
- Tidak ada ilmu pemasaran
- Tidak ada peluang
- Tidak ada kerja sampingan

HASIL NOMINAL GROUP TECHNIQUE (NGT)-WANITA

Fasa Kedua : Mengenal Pasti Keperluan

A. Fasa Kedua, Peringkat Satu

Lima (5) projek yang diperlukan oleh kaum wanita, iaitu :

- Kemahiran untuk terlibat dalam perniagaan
- Peralatan untuk terlibat dalam perniagaan
- Modal untuk memulakan perniagaan
- Bengkel pemasaran
- Kerja sampingan

B. Fasa Kedua, Peringkat Dua

Susunan mengikut keutamaan keperluan kelompok wanita :

- Modal untuk memulakan perniagaan
- Kemahiran untuk terlibat dalam perniagaan.
- Peralatan untuk terlibat dalam perniagaan
- Bengkel pemasaran
- Kerja sampingan

HASIL NOMINAL GROUP TECHNIQUE (NGT)-WANITA

Fasa Ketiga : Mengenal Pasti Potensi

A. Fasa Ketiga, Peringkat Satu

Lima (5) projek ekonomi yang berpotensi, perniagaan produk makanan sejuk beku iaitu :

- Perniagaan berasaskan masakan
- Perniagaan berkaitan jahitan
- Tanaman kulat sisir
- Penternakan Ayam/Kambing/Lembu
- Kraftangan

B. Fasa Ketiga, Peringkat Dua

Susunan mengikut keutamaan potensi yang dihadapi oleh perniagaan produk makanan sejuk beku iaitu :

- Perniagaan berkaitan jahitan
- Perniagaan berasaskan masakan
- Tanaman kulat sisir
- Penternakan Ayam/Kambing/Lembu
- Kraftangan

Fasa Keempat : Kumpulan Kecil Pemerkasaan Ekonomi

Dua (2) projek ekonomi diusahakan, iaitu:

Makanan sejuk beku

Berikut adalah pengelompokan partisipan ke dalam Kumpulan Kecil Pemerkasaan Ekonomi (KKPE) :





















Fasa Keempat : Kumpulan Kecil Pemerkasaan Ekonomi

Dua (2) projek ekonomi diusahakan, iaitu:

Makanan sejuk beku

Berikut adalah pengelompokan partisipan ke dalam Kumpulan Kecil Pemerkasaan Ekonomi (KKPE) :



RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

PERINCIAN RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

MODAL KOMUNITI

PEMETAAN DEMOGRAFI



PERINCIAN RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

MODAL KOMUNITI

PEMETAAN DEMOGRAFI



PERINCIAN RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

MODAL KOMUNITI

PEMETAAN DEMOGRAFI



RUMUSAN

KIR mempunyai pekerjaan, iaitu berasaskan projek pertanian yang dirancang oleh MAIK dan LZS, iaitu projek penanaman cili untuk setiap KIR dalam kawasan penempatan Desa Alam Shah. Hasil akan dijual kepada Nestle Malaysia melalui sistem ladang kontrak.

IMPLIKASI

Projek ini dilaksanakan dengan pemantauan yang dekat oleh banyak pihak. Walau bagaimanapun, projek ini memerlukan penggunaan tanah yang besar sedangkan KIR adalah miskin dan kemungkinan mereka tidak mempunyai tanah untuk mengusahakannya setelah keluar dari Penempatan Desa Alam Shah.

CADANGAN

Tempoh 5 tahun untuk berada di penempatan Desa Alam Shah adalah peluang mereka mempelajari pengetahuan dan kemahiran baharu untuk digunakan apabila mereka keluar dari penempatan itu kelak. Justeru, empat (4) strategi yang boleh digunakan :

1) Kerangka khas untuk menilai potensi yang ada pada setiap KIR dan AIR melalui pemetaan potensi dan seterusnya dirangka program pembinaan kapasiti untuk tempoh 5 tahun.

PERINCIAN RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN



PERINCIAN RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

MODAL KOMUNITI

PEMETAAN DEMOGRAFI



KIR turut bekerja di luar penempatan mereka kerana memerlukan wang tambahan untuk perbelanjaan harian mereka.

KIR yang perlu kerja di luar penempatan memberikan gambaran bahawa untuk perlukan pekerjaan sampingan untuk menampung hidup mereka sebelum memperoleh hasil dari tanaman pertanian yang mereka usahakan. Pekerjaan dilaksanakan tersebut adalah tidak ada kaitan dengan perusahaan mereka di penempatan Desa Alam Shah.

Bekerja di luar dan tidak ada kaitan dengan perusahaan yang sedang dilaksanakan perlu dipandang serius kerana memberi implikasi dari aspek persepsi dan fokus. Justeru, tiga (3) strategi dicadangkan :

1) Mewujudkan aktiviti ekonomi tambahan yang bersifat segera pendapatannya, khususnya dalam bentuk perkhidmatan.

PERINCIAN RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

MODAL KOMUNITI

PEMETAAN DEMOGRAFI



2) Menggalakkan KIR menambah pengetahuan dan kemahiran melalui penyertaan dalam kursus-kursus yang dianjurkan oleh agensi tertentu yang mempunyai nilai tambah kepada perusahaan yang sedang dilaksanakan.

3) Memberi elaun khusus tidak termasuk bantuan zakat yang diberikan oleh MAIK, sebagai insentif kepada KIR yang memberi tumpuan sepenuhnya kepada projek tanaman yang dilaksanakan.

PERINCIAN RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

MODAL KOMUNITI

PEMETAAN DEMOGRAFI



Peratus yang tinggi KIR mempunyai pendapatan di bawah RM580 sebulan dan ini meletakkan mereka dalam kategori miskin tegar.

Pendapatan yang rendah menyebabkan mereka tidak dapat memenuhi keperluan asas AIR. Ini sudah pasti memberi kesan kepada kecukupan keperluan asas dan kualiti hidup mereka.

Bagi meningkatkan pendapatan mereka tiga (3) strategi boleh digunakan, iaitu :

1) Menyediakan peluang untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran berbentuk formal.

2) Jalinan kerjasama antara komuniti-agensi kerajaan-industri untuk mencipta dan penyediaan peluang pekerjaan.

3) Penglibatan AIR dengan maksimum untuk meningkatkan pendapatan dalam keluarga.

PERINCIAN RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

MODAL KOMUNITI

PEMETAAN DEMOGRAFI



Majoriti KIR menyertai pendidikan formal dan sudah biasa dengan sistem pendidikan tersebut.

Penyertaan KIR dalam pendidikan formal menunjukkan mereka tidak ada masalah dengan sistem pendidikan formal. Ini memberi gambaran bahawa mereka juga bersedia untuk terlibat dalam pendidikan formal khususnya untuk meningkatkan kemahiran mereka.

Dua (2) strategi yang boleh digunakan untuk meneruskan momentum penyertaan mereka dalam pendidikan formal, iaitu :

1) Menyenaraikan kursus kemahiran berpotensi yang sedia ada dan ditawarkan oleh pelbagai agensi untuk mereka sertai.

2) Penyertaan dalam kursus tersebut perlulah berasaskan potensi yang dimiliki mereka.

PERINCIAN RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

MODAL KOMUNITI

PEMETAAN DEMOGRAFI



Pasangan KIR ramai yang tidak bekerja dan hanya membantu KIR melaksanakan projek pertanian yang diusahakan dalam penempatan Desa Alam Shah.

Pasangan KIR yang tidak bekerja memberi gambaran kepada kesediaan mereka dari aspek ekosistem untuk bersama dalam aktiviti penjanaan pendapatan keluarga. Ini termasuklah dari aspek kesediaan pengetahuan dan sistem sokongan mereka. Keadaan ini memberi kesan dari aspek tidak membantu KIR untuk mendapat pendapatan yang lebih baik dan seterusnya mencapai tahap pendayaupayaan yang lebih tinggi.

Tiga (3) strategi yang boleh aplikasikan, iaitu :

1) Pasangan KIR diberikan tugas yang lebih signifikan dalam membantu projek tanaman yang sedang diusahakan, termasuklah dilatih menjadi pengurus projek dan sebagainya.

2) Mereka perlukan pengetahuan dan kemahiran khusus berasaskan potensi untuk melaksanakan aktiviti ekonomi untuk ahli keluarga dan seterusnya bersama menyumbang sumber pendapatan kepada keluarga.

3) Kolaborasi dengan pelbagai pihak, khususnya antara MAIK, Universiti Awam, NGO dan industri untuk membina ekosistem sosioekonomi yang seimbang dalam keluarga.

PERINCIAN RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

MODAL KOMUNITI

PEMETAAN DEMOGRAFI



RUMUSAN

Dari jumlah pasangan KIR yang bekerja, majoriti mempunyai pendapatan RM980 ke bawah. Meskipun pendapatan tersebut tidak tinggi, namun ia sedikit sebanyak mampu menjadi pendapatan tambahan kepada keluarga.

IMPLIKASI

Pekerjaan yang dilakukan di luar penempatan memberi pendapatan tambahan kepada keluarga. Namun demikian, sempena mereka terlibat dengan program ekonomi khusus dalam penempatan Desa Alam Shah, penglibatan dalam pekerjaan di luar penempatan tidak membantu mereka untuk fokus pada aktiviti pembangunan yang sedang mereka sertai.

CADANGAN

Bagi mengatasi isu ini, dua (2) strategi dicadangkan, iaitu :

1) Menggalakkan pasangan KIR memberi tumpuan kepada aktiviti pertanian yang dilaksanakan dengan meningkatkan kapasiti mereka untuk bersama dalam bahagian tertentu termasuklah dari aspek menguruskan projek dan mengembangkan upaya mereka dalam bentuk pemasaran produk.

2) Mewujudkan pekerjaan dalam penempatan mereka dengan aktiviti perniagaan tertentu yang boleh dilaksanakan secara berkelompok ataupun membawa pekerjaan dari luar yang boleh dilakukan dalam penempatan mereka.

PERINCIAN RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

MODAL KOMUNITI

MODAL INSAN



RUMUSAN

Modal insan kontemporari KIR adalah lebih tinggi berbanding modal insan tradisional, namun modal insan kontemporari hanyalah pada tahap sederhana.

IMPLIKASI

Pemilikan insan kontemporari yang sederhana bermakna pengetahuan dan kemahiran baharu tidaklah mereka kuasai. Manakala modal insan tradisional yang rendah bermakna mereka mula meninggalkan atau tidak lagi mengamalkan pengetahuan atau kemahiran tradisional. Pemilikan modal insan kontemporari yang sederhana menyebabkan mereka tidak sepenuhnya memenuhi keperluan dalam industri semasa. Malah mereka juga tidak sepenuhnya kompeten untuk melaksanakan program pembangunan ekonomi semasa.

CADANGAN

Bagi mengatasi isu ini, empat (4) strategi boleh dipertimbangkan, iaitu :

1) Memperkasakan modal insan kontemporari terpilih, iaitu pengetahuan dan kemahiran yang berpotensi dan benar-benar diperlukan dalam kehidupan seharian mereka, khususnya aktiviti pertanian dan keusahawanan.

2) Membangunkan pangkalan data modal insan KIR dan AIR yang memetakan potensi sedia ada dan seterusnya boleh digunakan untuk memantau perkembangan mereka.

3) Melibatkan semua pemegang taruh dalam membangunkan kapasiti KIR secara tersusun.

4) Modal insan tradisional tidak wajar dipinggirkan, sebaliknya mana-mana KIR yang memiliki modal insan tersebut dan boleh menjana pendapatan, perlu diberikan tumpuan dengan meningkatkan kapasitinya.

PERINCIAN RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

MODAL KOMUNITI

MODAL INSAN



RUMUSAN

Modal insan kontemporari yang KIR mahir adalah berkaitan dengan pengurusan ladang secara komersial, berniaga dan menternak haiwan.

IMPLIKASI

KIR mempunyai kemahiran tinggi (sama ada modal insan kontemporari atau tradisional) adalah yang berkaitan dengan apa yang kerap digunakan dan bergantung padanya. Juga, kemahiran yang sukar dan perlukan latihan khusus kurang dimiliki KIR. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak akan mampu untuk meningkatkan keupayaan modal insan mereka ke tahap yang lebih tinggi dan tidak akan diiktiraf kemahiran yang mereka miliki.

CADANGAN

Bagi memanfaatkan keadaan ini, tiga (3) strategi boleh digunakan, iaitu :

1) Perkara yang kritikal mesti dipertimbangkan ialah, mereka hanya berada di penempatan tersebut hanyalah selama 5 tahun sahaja. Justeru, mereka perlu dibekalkan dengan kemahiran yang boleh digunakan untuk meningkatkan kualiti hidup mereka selepas keluar dari penempatan Desa Alam Shah.

2) Meningkatkan kapasiti modal insan kontemporari yang dimiliki mereka dengan memberi tumpuan kepada latihan formal dan memperoleh sijil darinya.

3) Kolaborasi dengan pihak industri menjadi lebih genting yang mana industri boleh diminta untuk membantu mereka menjelaskan realiti keperluan dalam pasaran termasuklah dengan memberi latihan dalam bentuk praktikal dan bertempoh.

PERINCIAN RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

MODAL KOMUNITI

MODAL SOSIAL

RUMUSAN

Tahap modal sosial KIR adalah tinggi, khususnya modal sosial ikatan dan jaringan. Malah hampir tidak wujud konflik antara persekitaran sosial.

IMPLIKASI

Modal sosial yang kuat dan disokong tanpa konflik dalam komuniti merupakan satu kelebihan yang perlu dimanfaatkan untuk mencapai tahap pendayaupayaan yang tinggi. Ini kerana modal sosial tersebut menjadi pendukung positif kepada setiap aktiviti yang dilaksanakan.

CADANGAN

Bagi memanfaatkan modal sosial untuk pemerkasaan ekonomi KIR, dua (2) strategi boleh digunakan :

1) Pemerkasaan modal sosial diperlukan dengan cara meningkatkan lagi hubungan yang berasaskan saling menyumbang dan saling membantu dalam aktiviti ekonomi yang dilaksanakan berasaskan prinsip kolaborasi kepercayaan.

2) Membekalkan pengetahuan dan kemahiran yang khusus kepada persekitaran sosial untuk memainkan peranan dalam komuniti termasuklah sebagai pelengkap kepada ketidaksempurnaan dalam komuniti.

PERINCIAN RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

MODAL KOMUNITI

MODAL EKONOMI

RUMUSAN

KIR tidak memiliki aset beku dalam bentuk tanah dan kesemuanya memiliki kenderaan. Manakala, aset cair yang tinggi dimiliki adalah wang zakat, gaji dan sedikit wang simpanan.

IMPLIKASI

Pemilikan aset yang terhad, khususnya tidak memiliki tanah memberi implikasi besar kepada masa hadapan mereka. Memandangkan mereka berada di penempatan Desa Alam Shah hanya untuk 5 tahun sahaja, dan melaksanakan projek pertanian di atas tanah MAIK. Maka setelah tamat tempoh, mereka perlu keluar dan tidak dapat meneruskan aktiviti pertanian yang telah diusahakan selama 5 tahun kerana tidak memiliki tanah.

CADANGAN

Bagi mengatasi masalah ini, dua (2) strategi dicadangkan :

1) Menggunakan teknologi yang sesuai dengan aset dimiliki oleh KIR, ini termasuklah dengan mempertimbangkan untuk menggunakan teknologi pertanian fertigasi atau vertikal.

2) Selama tempoh KIR berada di penempatan Desa Alam Shah, mereka perlu diberikan ilmu pengurusan kewangan dan pelaburan untuk memiliki aset tertentu untuk digunakan selepas mereka berpindah keluar kelak.

PERINCIAN RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

MODAL KOMUNITI

MODAL EKONOMI



RUMUSAN

Tiga (3) keadaan yang menjadi beban ekonomi KIR, iaitu harga barang keperluan, kos sara hidup dan pendapatan keluarga yang rendah. Justeru, mereka bertindak dengan membiarkan keadaan tersebut dan berikhtiar untuk ubah hidup mereka.

IMPLIKASI

KIR terasa terkesan dengan harga barangan keperluan dan kos sara hidup yang tinggi disebabkan oleh mereka tidak mempunyai pendapatan yang cukup. Pendapatan tersebut menyebabkan mereka hanya memikirkan untuk meneruskan kehidupan dan kualiti hidup bukanlah menjadi keutamaan mereka. Justeru, mereka bertindak mengikut keadaan, iaitu mana-mana keadaan yang bukan dalam kawalan mereka, mereka hanya berserah. Namun demikian, mereka mempunyai iltizam untuk mengikut

CADANGAN

Bagi mengatasi keadaan ini, tiga (3) strategi boleh dimanfaatkan, iaitu :

1) Meningkatkan kemahiran ahli keluarga agar boleh bersama KIR untuk memperoleh pendapatan.

2) AIR yang berada dalam lingkungan buruh produktif, diberikan peluang untuk bekerja di dalam atau di luar penempatan dengan adanya kolaborasi industri yang menyediakan peluang pekerjaan yang sesuai.

3) KIR diberikan peluang untuk mempunyai pendapatan sampingan dalam penempatan yang mana boleh memberi pendapatan sambil menunggu hasil pertanian dapat dituai dan dijual.

PERINCIAN RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

MODAL KOMUNITI

MODAL SEMULA JADI



RUMUSAN

KIR mempunyai modal semula jadi yang ada kaitan dengan kelaziman dan keperluan harian mereka. Namun mereka berhadapan dengan cabaran dari aspek kecukupan dan ancaman cuaca. KIR tidak banyak menguasai modal semula jadi kecuali yang digunakan dan diperlukan mereka sahaja. Malah, tidak banyak modal tersebut ditambah nilai untuk pendapatan mereka.

IMPLIKASI

Dari satu aspek, ia merupakan tindakan yang tepat kerana memberi tumpuan hanya kepada apa yang diperlukan sahaja. Dari sudut yang lain, pengabaian untuk menambah nilai dan mengikut ada yang ada sahaja, tidak akan menguntungkan mereka.

CADANGAN

Keadaan ini memerlukan strategi tersebut dilaksanakan, iaitu :

• Menumpukan kepada modal semula jadi yang ada kaitan dengan program ekonomi sedia ada. Namun, diberikan peluang untuk meneroka potensi dari aspek keupayaan untuk menambah nilai. Ini termasuklah menghadiri kursus untuk meningkatkan kapasiti mereka melalui agensi yang sedia ada.

PERINCIAN RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

MODAL KOMUNITI

MODAL BUDAYA

RUMUSAN

KIR kebanyakannya adalah mode berubah, bermaksud mereka bersedia dan sedang berubah. Akibat dari berpindah ke penempatan Desa Alam Shah, mereka telah mengalami perubahan yang positif dan negatif. Ini termasuklah apabila mereka mempertimbangkan mereka hanya perlu berada untuk tempoh 5 tahun sahaja.

IMPLIKASI

Penetapan bahawa mereka dalam proses berubah menunjukkan bahawa mereka menginginkan kehidupan yang berbeza dan sudah pasti lebih baik. Aktiviti ekonomi, khususnya aktiviti pertanian memberi harapan besar kepada mereka untuk meneruskan perubahan. Namun, mereka tetap bimbang dengan tempoh yang diberikan, khususnya kehidupan mereka selepas berpindah keluar kelak.

CADANGAN

Bagi mendepani realiti, dua (2) strategi dicadangkan., iaitu :

1) Bagi meneruskan momentum perubahan, mereka memerlukan panduan jangka panjang secara tersusun. Justeru, modul khas diperlukan untuk tempoh 5 tahun yang mengandungi apa perubahan yang diperlukan dan pemantauan perubahan bagi memastikan KIR dan AIR sentiasa bermotivasi untuk memperoleh kehidupan yang lebih baik.

2) KIR perlu diberikan latihan untuk berhadapan dengan realiti mereka perlu berpindah kelak. Ini termasuklah dari aspek latihan meneruskan aktiviti pertanian dan ekonomi berkaitan untuk memastikan mereka mempunyai pendapatan yang lebih baik apabila berada di luar kelak.



INSTITUT PENYELIDIKAN DAN PENGURUSAN KEMISKINAN (InsPeK)
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok, Kelantan, Malaysia

ISBN 978-967-2229-99-5